


# PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

## BILA PERLU KEMUKA PEMBAHARUAN LESEN?

Pemegang Lesen dikehendaki memohon pembaharuan lesen melalui laman web <http://e-lesen.mpob.gov.my> dalam tempoh **tidak kurang daripada 1 bulan tetapi tidak awal daripada 3 bulan** daripada **tarikh habis tempoh lesen**.

### Contoh:

Jika tarikh habis tempoh lesen adalah pada **31 Mac**, maka permohonan pembaharuan boleh dikemukakan **dari 1 Januari hingga 28 Februari**.



## JIKA MEMOHON KURANG DARI 1 BULAN, APA TINDAKAN MPOB?

Seseorang yang memohon pembaharuan kurang daripada 1 bulan dari tarikh habis tempoh, suatu **fi lewat** akan dikenakan untuk meneruskan pembaharuan lesennya iaitu sebanyak 1% daripada fi lesen atau RM10.00, mana-mana yang lebih tinggi bagi tiap-tiap hari kelewatan dan termasuk tarikh habis tempoh lesen.

### Contoh:

Lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah berjumlah RM300.00 dan tarikh habis tempoh pada 31 Mac.

Jika borang permohonan diterima pada 10 Mac, maka bilangan hari yang dikenakan fi lewat adalah;

$$\begin{array}{rcl} & 10 \text{ hari} & \text{(jumlah hari lewat)} \\ + & 1 \text{ hari} & \text{(tarikh habis tempoh)} \\ \hline & 11 \text{ hari} & \text{(jumlah dikenakan fi lewat)} \end{array}$$

- 1 hari lewat - 1% daripada fi lesen adalah RM3.00                      **atau**    RM10.00 (1 hari lewat)
  - Jika 11 hari - RM33.00                      **atau**    RM110.00
- Oleh itu bayaran fi lewat adalah **RM110.00** kerana lebih tinggi dari RM33.00

## **JIKA MEMOHON PEMBAHARUAN SELEPAS HABIS TEMPOH, APA TINDAKAN MPOB?**

Permohonan pembaharuan yang dibuat selepas tarikh habis tempoh lesen, Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui lesen itu atau boleh memperbaharui lesen tertakluk kepada pengenaan **fi habis tempoh** tidak melebihi 500% daripada fi lesen atau RM5,000.00, mana-mana yang lebih besar. **Selain daripada fi habis tempoh, pemegang lesen juga dikenakan bayaran fi lewat** kerana mengemuka permohonan pembaharuan kurang daripada 1 bulan dari tarikh habis tempoh.

### **Contoh:**

Lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah berjumlah RM300.00 dan tarikh habis tempoh pada 31 Mac.

Jika borang permohonan diterima pada 7 April, maka fi yang dikenakan adalah;

(a) Fi habis tempoh:

500% daripada fi lesen adalah RM1,500.00 **atau** RM5,000.00.

- Maka bayaran fi habis tempoh RM5,000.00.

(b) Fi lewat:

31 hari dikira dari 01 Mac hingga tarikh habis tempoh iaitu 31 Mac,

- Maka fi lewat adalah  $31 \times \text{RM}10.00$  (jumlah lebih besar) = RM310.00

➤ Oleh itu jumlah kena bayar :  $\text{RM}5,000.00 + \text{RM}310.00 = \text{RM}5,310.00$

## **BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERMOHONAN PEMBAHARUAN BOLEH DIKEMUKA SELEPAS TARIKH HABIS TEMPOH?**

Pemegang lesen diberi peluang membaharui lesen dalam tempoh **3 bulan sahaja** selepas tarikh habis tempoh tertakluk kepada pembayaran fi habis tempoh dan fi lewat.

## **ADAKAH PERMOHONAN PEMBAHARUAN BOLEH DITOLAK?**

Sesuai permohonan pembaharuan lesen boleh ditolak jika pemegang lesen tidak aktif menggunakan lesen melebihi daripada dua (2) tahun berturut-turut.